



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGGU ADNAN BIN TENGGU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN PECAH TANAH DAN PERMOHONAN  
RUMAWIP RESIDENSI RAMPAI II  
DEWAN SERBAGUNA, TAMAN SERI RAMPAI**

**20 MAC 2017, ISNIN | 11.30 PAGI**

---

**BISMILLAH RAHMANIR RAHIM**

**Terima Kasih Pengacara Majlis,**

***(Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian)***

**YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan,  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**Y.Bhg. Datuk Seri Adnan bin Hj. Md. Ikshan,  
Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan**

**Y.Bhg. Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz,  
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**YBhg. Datuk Seri Lawrence Low Wui Keong,  
Pengerusi CRSC Group**

**YBrs Encik Lim Yew Jin,  
Pengarah Urusan Pancaran Nilai (M) Sdn Bhd**

**Pengurusan Tertinggi Dan Pegawai Kanan Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL,**

**Rakan-rakan media,**

**Dif - Dif Jemputan, Datuk-Datuk, Tuan -Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Pada hari ini saya berbesar hati untuk melancarkan Majlis Pecah Tanah dan seterusnya pembukaan permohonan Projek RUMAWIP Residensi Rampai II. Pembangunan projek ini dibuat secara usahasama antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan Pancaran Nilai Sdn Bhd dalam usaha memperbanyakkan lagi penyediaan rumah mampu milik kepada warga Wilayah Persekutuan agar setiap individu atau keluarga boleh memiliki rumah di Kuala Lumpur khususnya.
3. Justeru, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pemaju Pancaran Nilai Sdn Bhd kerana telah berjaya merealisasikan cadangan pembangunan rumah mampu milik ini bagi ditawarkan kepada rakyat.
4. Sebagai makluman semua, sebelum ini pemaju telah berjaya menyiapkan projek perumahan Residensi Rampai yang merupakan

antara projek RUMAWIP terawal yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan. Projek tersebut diluluskan Perintah Pembangunan pada tahun 2013 lagi iaitu semasa inisiatif Program RUMAWIP mula diperkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan dan memulakan pembinaan pada April 2014.

5. Projek ini telah siap sepenuhnya pada Oktober 2016 dan telah dibuat penyerahan kunci pada 16 November 2016 yang lalu. Projek ini dibina dengan hanya memakan masa dua setengah tahun sahaja untuk disiapkan iaitu 7 bulan lebih awal daripada jadual yang dirancang. Kita sememangnya mengalu-alukan pemaju bersama-sama membantu Kerajaan dalam menyiapkan projek lebih awal dari jangkaan supaya penyampaian kepada rakyat juga dapat dipercepatkan.
6. Projek tersebut dibangunkan di atas tapak seluas 1.84 ekar dengan 1 blok 35 tingkat yang mempunyai sebanyak 322 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 161 unit adalah kediaman RUMAWIP manakala baki selebihnya adalah unit dengan harga bebas.
7. Di atas kejayaan pembinaan RUMAWIP Residensi Rampai tersebut, maka pada hari ini sekali lagi dilancarkan pembinaan bagi RUMAWIP Residensi Rampai II pula. Projek ini akan mengambil konsep pelaksanaan yang sama seperti projek pertama tersebut iaitu secara *cross-subsidy* yang melibatkan pembangunan kediaman harga bebas dan juga RUMAWIP dibawah skim pembangunan yang sama.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

8. Mekanisme pembangunan secara *cross-subsidy* antara Kerajaan dan Pemaju ini bertujuan untuk membantu Kerajaan menawarkan kediaman mampu milik tanpa melibatkan sebarang peruntukan daripada Kerajaan tetapi dalam masa yang sama dapat membantu pemaju untuk menjana keuntungan melalui pembangunan kediaman harga bebas di dalam pembinaan perumahan tersebut. Dalam hal ini, kaedah pelaksanaan ini memberikan “win-win situation” kepada semua pihak iaitu kepada Kerajaan dalam aspek penjimatan wang, pemaju pula dapat keuntungan daripada penjualan kediaman harga bebas dan seterusnya kepada rakyat dalam bentuk pemilikan kediaman pada harga mampu milik di lokasi yang strategik.
  
9. Residensi Rampai II ini dibangunkan di atas tanah berkeluasan 3.08 ekar bakal menawarkan 2 blok kediaman berketinggian 35 tingkat bagi Pangsapuri Kos Sederhana dan 31 tingkat RUMAWIP. Sejumlah 308 unit kediaman RUMAWIP akan dibangunkan dengan keluasan unit 800 kaki persegi dengan keperluan standard tiga 3 bilik tidur, 2 bilik air dan satu parking berbumbung pada harga RM300,000.00.
  
10. Pangsapuri ini juga bakal disediakan dengan kemudahan lengkap bertaraf kondominium seperti seperti kolam renang dewasa dan kanak-kanak, gimnasium, taman permainan, tadika, surau, dewan serbaguna, pondok pengawal, pejabat pengurusan, landskap & BBQ, gelanggang badminton, kedai dan semua tempat parkir kereta adalah berbumbung. Kesemua kemudahan ini akan dinikmati

secara bersama di antara pembeli RUMAWIP dan pembeli kediaman harga bebas.

11. Taman Sri Rampai adalah merupakan kawasan perumahan dan komersial yang telah matang dari aspek kemudahan yang disediakan. Justeru, lokasi Residensi Rampai II yang amat strategik di sini menjanjikan peningkatan nilai hartanah yang baik kepada pembeli RUMAWIP. Jika dilihat kepada nilai semasa hartanah kawasan berdekatan, adalah dijangkakan nilai sebenar kediaman RUMAWIP ini boleh mencecah harga melebihi RM400,000.00 seunit.
12. Projek ini dijangka akan memulakan pembinaannya pada Jun 2017 dan akan disiapkan pada pertengahan 2021. Seperti semua projek RUMAWIP lain, Residensi Rampai II ini juga adalah terikat dengan sekatan jualan atau moratorium selama 10 tahun bagi membendung spekulasi hartanah daripada berlaku tanpa kawalan dan juga menjamin kepentingan golongan sasaran iaitu rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah dalam memiliki kediaman.
13. Saya ingin menasihatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya mematuhi moratorium yang telah kita tetapkan. Walaupun setelah tamat tempoh moratorium tersebut, simpanlah hartanah ini kerana manfaatnya bukan untuk kita sahaja tetapi untuk masa depan anak cucu kita kelak.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

14. Dalam pada itu, saya juga ingin berkongsi pencapaian usaha Kerajaan dalam penyediaan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan khususnya seperti mana yang telah disuarakan oleh rakyat. Sejak inisiatif RUMAWIP ini diperkenalkan dan mula dilaksanakan pada tahun 2013 yang lalu, pencapaian sehingga bulan Februari 2017, Kementerian Wilayah Persekutuan telah berjaya mencapai sebanyak **53,246 unit** atau **67%** daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit yang kita tetapkan meliputi beberapa peringkat pelaksanaan iaitu “**Siap**”, “**Dalam Pembinaan**” dan “**Kelulusan Perintah Pembangunan atau *Development Order***”.
15. Perkongsian ini sentiasa saya tekankan dalam majlis-majlis pelancaran RUMAWIP pada tahun lalu supaya rakyat tahu mengenai inisiatif-inisiatif yang diambil Kerajaan. Ketika ini, Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya sentiasa berusaha memastikan projek-projek di peringkat Kelulusan Perintah Pembangunan ini dapat dipercepatkan ke peringkat pembinaan supaya lebih banyak lagi projek dapat ditawarkan kepada rakyat secepat mungkin.
16. Bagi tahun 2017 dan seterusnya, akan ada lebih banyak lagi projek-projek RUMAWIP yang amat menarik yang akan dibuka permohonan kepada rakyat. Oleh itu, saya menyeru semua pihak untuk sama-sama mempromosikan inisiatif RUMAWIP ini supaya golongan sasaran yang berkecukupan dapat merebut peluang mendapatkan kediaman RUMAWIP di lokasi yang dihasratkan kelak.

17. Oleh itu, saya berharap agar rakyat sentiasa menyokong segala usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik seperti ini.
  
18. **Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini melancarkan Majlis Pecah Tanah dan seterusnya melancarkan pembukaan permohonan RUMAWIP Residensi Rampai II.**
  
19. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.